

SOALAN NO: 161

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN SIM TONG HIM

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang kewajipan majikan kepada HRDF. Berikan bilangan majikan yang boleh dikecualikan atau dengan sukarela sahaja mencarum kepada HRDF:-

- (a) nyatakan faedah dan keistimewaan kepada majikan di bawah skim ini dan apakah sebabnya sambutan masih tidak menggalakan; dan
- (b) bolehkah tuntutan "In-House Training Program" elaun dari HRDF di pertimbangkan.

PR-1352-T00735

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berkuat kuasa dari 1 April 2017, PSMB memperluaskan liputan Akta PSMB 2001 dengan memperkemaskan kriteria kelayakan untuk majikan Malaysia dari semua sub sektor dalam sektor Perkilangan, Perkhidmatan serta Perlombongan dan Pengkuarian yang menggaji sekurang-kurangnya sepuluh (10) orang pekerja tempatan.

2. Di samping itu, pindaan Akta PSMB 2001 juga termasuk perluasan dan peningkatan liputan untuk Kategori Pilihan untuk majikan di semua sub sektor di bawah sektor Perkilangan, Perkhidmatan serta Perlombongan dan Pengkuarian yang menggaji lima (5) hingga Sembilan (9) orang pekerja tempatan diberikan pilihan untuk berdaftar dengan kadar levi bulanan ditetapkan pada 0.5% daripada jumlah upah bulanan dan pemansuhan kriteria modal berbayar bagi sektor Perkilangan dan Perlombongan dan Pengkuarian. Majikan yang mempunyai kurang daripada lima (5) orang pekerja tempatan adalah dikecualikan daripada berdaftar.

3. Antara faedah yang diterima oleh majikan yang berdaftar dengan PSMB adalah mereka layak untuk:

- Memohon geran latihan untuk melatih para pekerja tempatan dan sekali gus meningkatkan prestasi syarikat dengan kompetensi modal insan sedia ada. Antara geran latihan yang boleh dipohon ialah menerusi Skim Bantuan Latihan (SBL), Skim Bantuan Latihan Khas (SBL-Khas), Skim Latihan Industri dan yuran latihan boleh didebit terus melalui akaun levi majikan.
- Akses kepada latihan berkualiti dan spesifik kepada industri seperti dikenal pasti oleh 20 *Sectorial Training Committee* (STC) yang mewakili kesemua sub-sektor.
- Akses kepada Dana Khas Kerajaan (seperti insentif latihan kepada Majikan Perusahaan Kecil Sederhana, Dana Latihan Skim Perantisan dan sebagainya) yang disalurkan kepada PSMB dari semasa ke semasa.
- Akses maklumat yang telus berupa bantuan, bimbingan, skim dan inisiatif PSMB yang berterusan.
- Mendapatkan khidmat rundingan daripada konsultan bertauliah dengan percuma atau bayaran minimum berkenaan aspek Pengurusan Sumber Manusia dari Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC).

- Berpeluang dicalonkan di dalam majlis Anugerah Pembangunan Sumber Manusia – anugerah berprestij dan tertinggi di dalam kelasnya bagi industri Pembangunan Sumber Manusia.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Antara sebab yang dikenal pasti menjadi punca utama kurangnya sambutan daripada pihak majikan untuk berdaftar dengan PSMB adalah kurangnya kesedaran akan kepentingan mencarum dengan PSMB. Sehingga Jun 2017, jumlah majikan yang berdaftar dengan PSMB adalah sebanyak 19,487 majikan yang melibatkan jumlah pekerja seramai 2.05 juta pekerja. Pelbagai usaha dijalankan oleh PSMB bagi meningkatkan kesedaran dan bilangan majikan berdaftar, antaranya adalah dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama enam (6) persatuan majikan pada 11 Julai 2017. Langkah ini adalah untuk menggalakkan lebih ramai majikan untuk berdaftar dengan PSMB dan seterusnya melatih pekerja mereka bagi meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir negara.

5. Majikan yang berdaftar dengan PSMB layak untuk mendapatkan bantuan kewangan untuk membayar elaun bagi *In-House Training Program*. Antara elaun yang layak dituntut oleh pihak majikan bagi *In-House Training Program* adalah seperti berikut:

- Yuran latihan
- *Consumable Training Materials*
- Tiket penerbangan
- Elaun *Internal Trainer*
- Elaun harian
- Elaun harian untuk *Internal Trainer* (bagi latihan yang dijalankan di cawangan atau anak syarikat)
- Bayaran sewa premis latihan (bagi *In-House Training* yang dijalankan di hotel atau premis latihan lain)
- Kos pengangkutan
- Elaun makanan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN : 162**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jumlah AES yang dipasang untuk tahun 2017 dan 2018:-**

- (a) senaraikan semua lokasinya dan tarikh ia di pasang dan berapakah jumlah kutipan saman sejak meter AES dilaksanakan dan masih terdapat berapa tunggakan yang belum dijelaskan; dan
- (b) terdapat berapa kes masih belum diselesaikan di mahkamah.

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Sebanyak 14 kamera (No. 1 - 14) telah beroperasi pada bulan September 2012 dan 7 kamera (No. 15 - 21) lagi telah beroperasi pada bulan Jun 2017. Senarai 21 lokasi kamera AwAS adalah seperti berikut :

1. KM 375.9, Lebuhraya PLUS - Slim River
2. KM 85.5, Jalan Ipoh - Kuala Lumpur
3. KM 204.6, Lebuhraya PLUS - Taiping
4. KM 6.6, Jalan Kajang/Puchong
5. KM 301.6 Lebuhraya PLUS - Kajang
6. Jalan Lebu Sentosa, Putrajaya
7. KM 7, Jalan Maharajalela, Teluk Intan
8. KM 91, Jalan Ipoh - Butterworth(had laju)
9. Jalan Persiaran Timur, Putrajaya (had laju)
10. KM D7.9, Sungai Besi, Kuala Lumpur
11. Jalan Pasir Putih, Ipoh
12. KM 26, Jalan Ipoh - Kuala Kangsar
13. Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur
14. Jalan Ipoh, Kuala Lumpur
15. KM 151.4 Lebuhraya PLUS – Pagoh
16. KM 299.9 Lebuhraya PLUS – Kampar
17. KM 17 Gua Musang – Kuala Krai
18. KM 96.3 Lebuhraya PLUS – Kuala Muda
19. KM 256.1 Lebuhraya Pantai Timur 2
20. KM 288.6 Lebuhraya Pantai Timur 2
21. KM 146.8 Lebuhraya PLUS – Pagoh

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sehingga 31 Julai 2017, jumlah kutipan saman AwAS yang telah diterima adalah sebanyak RM 110,938,770.00 dan jumlah saman yang belum dibayar oleh Orang Kena Saman (OKS) adalah sebanyak 2,595,732.

Pada masa ini, sebanyak 9,754 kes masih belum diselesaikan di Mahkamah.



## SOALAN ( 163 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[ INDERA MAHKOTA ]

SOALAN :

**YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kementerian bagi menanggungkan segala projek-projek berskala "Mega" sehingga kedudukan ekonomi negara kembali pulih dan menumpukan kepada projek-projek asas yang boleh membantu penduduk menikmati keadaan yang lebih selesa seperti dalam pengawalan kos sara hidup, perkhidmatan pelajaran dan kesihatan yang lebih rendah kosnya.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek-projek mega adalah penting kerana ia berupaya menghasilkan kesan pengganda (*multiplier effects*) dan kesan limpahan (*spill-over effects*) yang besar kepada ekonomi sesebuah negara. Secara umumnya daripada jumlah projek-projek mega Kerajaan, terdapat juga di antaranya dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta [*Public Private Partnership (PPP)*] yang meliputi pelbagai sektor seperti pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan keselamatan.

Pelaburan sektor swasta dalam projek-projek PPP membolehkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat disegerakan dan rakyat dapat menikmati perkhidmatan yang cekap dan efisien disamping memberi penjimatan kos kepada Kerajaan (*value for money*). Pelaksanaan projek-projek mega ini turut menjana pertumbuhan ekonomi dan lain-lain manfaat secara *spin off* kepada rakyat seperti berikut:

- i. peluang pekerjaan yang lebih meluas;

- ii. pembangunan di sekitar kawasan setempat; dan
- iii. jaringan perhubungan yang lebih baik dan selesa.

Dalam keadaan kelembapan dan ketidaktentuan ekonomi semasa, projek-projek pembangunan sewajarnya diteruskan kerana ia berkeupayaan merangsang dan mempergiat aktiviti serta pertumbuhan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017